A

TULASI BHALJIT SINGH lwn. SARJIT SINGH HARJAN SINGH & YANG LAIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHAMAD ZABIDIN MOHD DIAH HMR
HAS ZANAH MEHAT HMR
B DARRYL GOON SIEW CHYE HMR
[RAYUAN SIVIL NO: W-01(NCvC)(A)-26-01-2019]
6 SEPTEMBER 2022

C **Abstrak** – *Aturan 80 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 memperuntukkan tindakan pentadbiran untuk mendapatkan kuasa mentadbir harta pusaka seorang yang telah meninggal dunia atau untuk mendapatkan pelaksanaan amanah bawah arahan mahkamah. Apabila wujud kebuntuan dalam pelaksanaan wasiat, seperti dalam kes ini, pelantikan Amanah Raya Berhad sebagai pentadbir harta pusaka*
D *individu yang telah meninggal dunia adalah wajar dan selari dengan peruntukan s. 11 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995.*

E ***PEWARISAN:*** *Wasiat – Pentadbiran harta pusaka – Pertikaian berkaitan pelaksanaan wasiat – Fasal dalam wasiat untuk pemberian mutlak RM40,000 sebelum wasiat dilaksanakan – Penerima pemberian mutlak telah meninggal dunia – Sama ada wasiat menyatakan cara atau masa pemberian mutlak – Sama ada pemberian mutlak boleh dipegang oleh pentadbir atau pemegang amanah harta pusaka – Sama ada Amanah Raya Berhad wajar dilantik sebagai pemegang amanah pemberian mutlak – Sama ada pemberian mutlak dilaksanakan dengan*
F *pembayaran kepada pemegang amanah harta pusaka*

Isu pokok dalam kes ini adalah pelaksanaan wasiat Kartar Kaur berkaitan fasal 5 dan 6 wasiat tersebut. Berdasarkan fasal-fasal tersebut, responden pertama dan kedua hanya berhak terhadap hartanah tersebut dengan syarat mereka terlebih dahulu perlu melaksanakan pemberian mutlak wang
G sejumlah RM40,000 kepada Kartar Singh. Kartar Kaur ialah ibu tiri responden pertama dan Kartar Singh, manakala perayu, menantu Kartar Kaur, adalah wasi dan pemegang amanah harta pusaka Kartar Kaur. Responden pertama dan kedua memfailkan saman pemula atas alasan bahawa mereka tidak dapat mengesan Kartar Singh. Namun, semasa prosiding
H berjalan, diketahui bahawa Kartar Singh telah meninggal dunia. Oleh itu, responden pertama dan kedua memohon untuk meminda saman pemula, antara lain: (i) agar responden ketiga, Amanah Raya Berhad ('ARB'), dilantik sebagai pemegang amanah harta pusaka Kartar Singh dan menerima dan memegang wang pemberian mutlak RM40,000 bagi harta pusaka Kartar
I Singh; dan (ii) agar perayu memindah milik hartanah tersebut kepada responden pertama dan kedua dengan hak sama rata. Demi menyelesaikan

kebuntuan melaksanakan fasal 6 wasiat Kartar Kaur, Hakim Mahkamah Tinggi memutuskan ARB wajar dilantik sebagai nominal defendan untuk menerima RM40,000 sebagai pemegang amanah harta pusaka Kartar Singh. Tidak berpuas hati, perayu merayu.

Diputuskan (menolak rayuan dengan kos)
Oleh Has Zanah Mehat HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Pelantikan ARB sebagai pentadbir harta pusaka diperuntukkan bawah s. 11 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995, iaitu, mahkamah mempunyai kuasa untuk melantik perbadanan sebagai pemegang amanah dan perbadanan mempunyai kuasa, tugas dan tanggungan yang sama dengan seorang individu yang dilantik atas kapasiti yang sama. ARB sebagai 'public trust corporation' adalah entiti yang berfungsi menguruskan harta amanah dan oleh itu, paling sesuai untuk memegang amanah harta pusaka Kartar Singh. (perenggan 27 & 28)

(2) Pelantikan ARB bukan sebagai pihak asing luar wasiat Kartar Kaur tetapi sebagai pemegang amanah harta pusaka Kartar Singh sehingga waris-waris Kartar Singh melantik pentadbir mereka sendiri. Dari segi undang-undang, apabila Kartar Singh telah disahkan meninggal dunia, semua asetnya, sama ada alih atau tak alih, menjadi harta pusaka Kartar Singh. Jumlah RM40,000 yang diwasiatkan oleh Kartar Kaur untuk dibayar oleh responden pertama dan kedua kepada Kartar Singh menjadi harta yang Kartar Singh mempunyai kepentingan benefisial terhadapnya. (perenggan 25 & 26)

(3) Mahkamah tidak akan mengubah atau menambah kata-kata wasiat kecuali jika jelas bahawa wasiat itu tidak menyatakan niat pewasiat. Tugas mahkamah apabila mentafsir wasiat adalah untuk memastikan, jika boleh, apa yang dimaksudkan oleh pewasiat, tanpa idea-idea yang diandaikan tentang maknanya dan memberi kesan sejauh mungkin terhadap niatnya seperti yang dinyatakan dalam wasiat. Adalah satu kaedah penting bahawa jika wasiat tersebut boleh diberi dua tafsiran, mahkamah lebih suka tafsiran yang melupuskan keseluruhan aset daripada yang mengakibatkannya tidak berwasiat atau menjadi harta sisa. (perenggan 36)

(4) Wasiat tersebut tidak menyatakan cara atau bagaimana dan bila pemberian mutlak wang RM40,000 patut diberikan kepada Kartar Singh. Begitu juga, wasiat tidak menyatakan pemberian mutlak wang RM40,000 perlu diterima sendiri oleh Kartar Singh. Pemberian mutlak wang itu kepada Kartar Singh boleh dipegang oleh pentadbir atau pemegang amanah harta pusakanya. Pembuat wasiat tidak berniat untuk menjadikan hartanah tersebut sebagai harta sisa dan kembali kepada pemegang amanah untuk menjualnya. Syarat pemberian mutlak sebelum hartanah dipindah milik kepada responden pertama dan kedua adalah

untuk memastikan Kartar Singh juga mendapat manfaat daripada wasiat Kartar Kaur. Oleh sebab pemberian mutlak telah pun dilaksanakan dengan pembayaran kepada pemegang amanah kepada harta pusaka Kartar Singh, iaitu ARB, hasrat pembuat wasiat telah ditunaikan. Oleh itu, perayu sebagai wasi dan pemegang amanah hendaklah melaksanakan fasal 5 wasiat tersebut. (perenggan 47 & 48)

English *Headnotes*

The primary issue in this appeal was the execution of the will of Kartar Kaur pertaining to cls. 5 and 6 of the will. Based on the said clauses, the first and second respondents were only entitled to the property subject to the satisfaction of the condition that they should first give a sum of RM40,000 by way of an absolute gift to Kartar Singh. Kartar Kaur was the first respondent and Kartar Singh's stepmother, whereas the appellant, Kartar Kaur's daughter-in-law, was the executrix and trustee of the estate of Kartar Kaur. The first and second respondents filed an originating summons on the ground that Kartar Singh could not be traced. However, in the course of the proceedings, it was made known that Kartar Singh had passed away. Hence, the first and second respondents applied to amend the originating summons, amongst others: (i) for the third respondent, Amanah Raya Berhad ('ARB') to be appointed as the trustee of the estate of Kartar Singh and accept and hold the absolute gift in the sum of RM40,000 in trust for Kartar Singh; and (ii) for the appellant to transfer the property to the first and second respondents in equal shares. In order to resolve the impasse in executing cl. 6 of Kartar Kaur's will, the High Court Judge held that ARB ought to be appointed as a nominal defendant to accept the sum of RM40,000 as the trustee of the estate of Kartar Singh. Dissatisfied, the appellant appealed.

Held (dismissing appeal with costs)
Per Has Zanah Mehat JCA delivering the judgment of the court:

(1) The appointment of ARB as the executor of the estate is provided under s. 11 of the Public Trust Corporation Act 1995, *ie*, the court is empowered to appoint the corporation as the trustee and the corporation has the same power, duty and responsibility with an individual appointed in the same capacity. The ARB as a public trust corporation is an entity responsible for the administration of trust property and therefore, was most suitable to hold the estate of Kartar Singh in trust.

(2) The appointment of ARB was not as a stranger out of the will of Kartar Kaur but as the trustee of the estate of Kartar Singh until Kartar Singh's heirs appoint their own administrator. Under the law, when Kartar Singh was confirmed to have passed away, all his assets, whether movable or immovable, comprised estate of Kartar Singh. The amount of RM40,000 bequeathed by Kartar Kaur to be paid by the first and second respondents to Kartar Singh became Kartar Singh's assets in which Kartar Singh had beneficial interests.

(3) The court would not vary or add words to the will unless it is clear that the will did not state the intention of the testator. The court's duty in construing a will is to ascertain, if possible, the testator's intention, without any pre-conceived ideas as to his meaning and to give effect, as far as possible, to his intention as declared in the will. An important rule is that, if the will could be interpreted in two ways, the court would prefer the interpretation that disposes all the assets than causing it to fall under intestacy or residuary estate.

(4) The will did not provide for the way or how and when the absolute gift of RM40,000 to be given to Kartar Singh. Likewise, the will did not state that the absolute gift of RM40,000 was to be accepted by Kartar Singh himself. The absolute gift money to Kartar Singh could be held by the administrator or trustee of his estate. The testator did not intend for the property to become residuary estate or to be returned to the trustee to be sold. The condition of absolute gift before the property could be transferred to the first and second respondents was to ensure that Kartar Singh also receives a benefit from Kartar Kaur's will. As the condition of absolute gift had been fulfilled by paying the sum to the trustee of the estate of Kartar Singh, *ie*, ARB, the testator's intention was satisfied. Therefore, the appellant, as the executrix and trustee ought to fulfill cl. 5 of the will.

Kes-kes yang dirujuk:

Hsu Yik Chai v. Hsu Yaw Tang & Anor [1983] 1 CLJ 19; [1983] CLJ (Rep) 170 FC ***(dirujuk)***

Marley v. Rawlings and Anor [2014] 2 WLR 213 ***(dirujuk)***

Ong Thye Peng v. Loo Choo Teng & Ors [2008] 1 CLJ 571 FC ***(dirujuk)***

Re Chin Sem Lin's Settlement; Yong Tet Fong & Anor v. Chin Thin Lee & Ors [1971] 1 LNS 120 HC ***(dirujuk)***

Smidmore v. Smidmore [1905] 3 CLR 344 ***(dirujuk)***

Tan Sri Dr M Mahadevan v. Dr Jeyalakshmi Ratnavale & Ors [2017] 6 CLJ 49 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Evidence Act 1950, ss. 91, 92, 93, 94, 95, 96, 97, 98, 99, 100
Public Trust Corporation Act 1995, s. 11
Rules of Court 2012, O. 80
Wills Act 1959, ss. 18, 30

Bagi pihak perayu - Avtar Singh Prem Singh; T/n Avtar
Bagi pihak responden pertama & kedua - Apparao Apana & Sabarina Mohamed Sidek; T/n Tengku Azlina, Rao, Low & Assocs
Bagi pihak responden ketiga - Mohamad Fitri Khalis Ahmad; Amanah Raya Berhad

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur; Saman Pemula No: WA-24NCvC-242-02-2018 (disahkan).]

Dilaporkan oleh S Barathi

A

PENGHAKIMAN

Has Zanah Mehat HMR:

Pengenalan

[1] Rayuan ini adalah terhadap keputusan Yang Arif Hakim Mahkamah
B Tinggi ("Yang Arif HMT") yang membenarkan permohonan dalam saman pemula pindaan yang telah difailkan oleh plaintif-plaintif/responden pertama dan kedua.

[2] Responden pertama, kedua dan Kartar Singh a/l Arjan Singh ("Kartar
C Singh") adalah antara waris-waris yang dinamakan dalam wasiat si mati Kartar Kaur a/p Magar Singh ("wasiat Kartar Kaur").

[3] Perayu adalah wasi (executor) dan pemegang amanah ("pemegang amanah") dalam wasiat Kartar Kaur. Perayu juga adalah menantu kepada Kartar Kaur. Pada 17 April 2014, Mahkamah Tinggi telah mengeluarkan
D Geran Probet (Grant of Probate) kepada perayu.

[4] Sarjit Singh a/l Harjan Singh (responden pertama) dan Kartar Singh adalah dua beradik, manakala Kartar Kaur, si mati adalah ibu tiri mereka.

[5] Alasan saman pemula (kandungan 1) difailkan oleh responden pertama
E dan kedua kerana mereka tidak dapat mengesan Kartar Singh untuk melaksanakan fasal 5 dan 6 wasiat Kartar Kaur. Namun, semasa prosiding berjalan (in the course of the proceedings), akhirnya diketahui bahawa Kartar Singh telah meninggal dunia dan permohonan untuk meminda saman pemula untuk memasukkan responden ketiga sebagai defendan nominal dalam saman pemula dan perkara berbangkit yang lain. Permohonan pindaan tersebut
F telah dibenarkan.

[6] Dua perkara penting yang dipohon dalam saman pemula pindaan ialah:

(i) ARB dilantik sebagai pemegang amanah kepada harta pusaka Kartar
G Singh berdasarkan wasiat Kartar Kaur bertarikh 26 Ogos 2013 dan untuk menerima dan memegang sebagai pemegang amanah wang pemberian mutlak berjumlah RM40,000 ("pemberian mutlak") bagi harta pusaka Kartar Singh; dan

(ii) Perayu sebagai wasi dan pemegang amanah kepada harta pusaka Kartar
H Kaur, untuk memindah milik harta yang dipegang di bawah H.S.(D) 164668, Lot 8879, Bandar Petaling Jaya, Daerah Petaling Selangor dan beralamat pos No. 10, Jalan 21/4, Section 21, 46300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan ("hartanah tersebut") kepada responden pertama dan kedua hak sama rata (equal shares) dan permohonan-permohonan
I berbangkit yang lain (consequential prayers).

[7] Permohonan responden pertama dan kedua dalam saman pemula pindaan telah dibenarkan. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu telah merayu ke mahkamah ini. Selepas rayuan difailkan, Sarjit Singh iaitu responden pertama telah meninggal dunia dan permohonan dibuat di Mahkamah Rayuan oleh responden kedua untuk menggantikan Sarjit Singh dengan Simret Singh a/l Jasa Singh sebagai wasi dan pemegang amanah kepada harta pusaka Sarjit Singh.

[8] Dalam penghakiman ini, untuk mengelakkan kekeliruan, rujukan kepada responden pertama adalah rujukan kepada responden pertama asal iaitu Sarjit Singh dan rujukan kepada responden pertama dan kedua adalah rujukan kepada responden pertama asal dan responden kedua, di mana berkenaan.

[9] Selepas menimbangkan hujahan lisan dan bertulis, alasan penghakiman Yang Arif HMT serta kertas kausa yang difailkan dalam rekod rayuan, kami sebulat suara telah menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi.

[10] Ini adalah alasan penghakiman kami dalam menolak rayuan perayu.

Pertikaian

[11] Isu pokok dalam kes ini ialah pelaksanaan wasiat Kartar Kaur berkaitan fasal 5 dan 6 wasiat tersebut yang memperuntukkan seperti berikut:

> 5. To Sarjit Singh a/l Harjan Singh (NRIC No. 491204-05-5003) and Jasmare Kaur a/p Dial Singh (NRIC No. 480904-08-5330) in equal shares all that residential property situated at No. 10, Jalan 21/4, Section 21, 46300 Petaling Jaya, Selangor **subject to the satisfaction by them of the condition set out in Clause 6 herein.**

[12] Manakala fasal 6, pula menyatakan yang berikut:

> 6. In consideration for receiving my said gift as made in Clause 5 above, Sarjit Singh a/l Harjan Singh (NRIC No. 491204-05-5003) and Jasmare Kaur a/p Dial Singh (NRIC No. 580904-08-5330) **shall first give to Kartar Singh** a/l Arjan Singh **the sum of Ringgit Malaysia Forty Thousand (RM40,000.00)** only by way of **an absolute gift to him.** (penekanan ditambah)

[13] Secara ringkasnya berdasarkan fasal 5 dan 6 wasiat, responden pertama dan kedua hanya berhak terhadap hartanah tersebut dengan syarat hendaklah terlebih dahulu melaksanakan pemberian mutlak wang sejumlah RM40,000 kepada Kartar Singh.

[14] Perayu berpendirian bahawa selagi responden pertama dan kedua tidak membayar kepada Kartar Singh pemberian mutlak tersebut, perayu tidak boleh memindahkan hartanah tersebut kepada responden pertama dan kedua. Berdasarkan keterangan melalui afidavit responden pertama dan

kedua, menyatakan mereka bukan tidak mahu melaksanakan pemberian mutlak kepada Kartar Singh tetapi mereka tidak dapat mengesan Kartar Singh. Mereka juga menyatakan bahawa perayu juga tidak dapat memberi apa-apa maklumat mengenai Kartar Singh. Oleh kerana kebuntuan (impasse) dalam menyelesaikan masalah ini, responden pertama dan kedua telah memfailkan permohonan dalam saman pemula atas alasan berikut seperti yang disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh responden kedua:

(i) responden pertama dan kedua telah sedaya upaya mencari Kartar Singh tetapi tidak berjaya. Saudara mara juga memaklumkan bahawa mereka pun tidak tahu di manakah Kartar Singh berada dan dia pun tidak pernah menghubungi saudara mara sudah sekian lama. Hal ini telah dimaklumkan kepada perayu;

(ii) carian alamat terkini Kartar Singh di Jabatan Pendaftaran Negara adalah sukar kerana ketiadaan nombor kad pengenalannya. Malahan di dalam wasiat Kartar Kaur pun tidak tercatat nombor kad pengenalan Kartar Singh;

(iii) sejak tahun 2015, setelah mengetahui hak mereka terhadap harta tersebut dan wasiat yang menghendaki mereka membayar pemberian mutlak RM40,000 kepada Kartar Singh, responden pertama dan kedua telah mencadangkan kepada perayu untuk mendepositkan RM40,000 ke akaun peguamcara perayu sebagai wasi dan pemegang amanah dengan akujanji bahawa jumlah RM40,000 hanya dilepaskan kepada Kartar Singh apabila perayu memindah milik harta tersebut kepada responden pertama dan kedua seperti yang terkandung dalam surat peguam cara responden pertama dan kedua bertarikh 25 Julai 2017;

(iv) cadangan tersebut telah ditolak oleh perayu tanpa sebarang cadangan untuk membantu responden pertama dan kedua untuk mengesan Kartar Singh, sebaliknya perayu melalui surat bertarikh 2 Februari 2018 meletakkan syarat tambahan supaya bayaran kepada Kartar Singh dibuat di pejabat peguam perayu dengan kehadiran perayu;

(v) responden pertama dan kedua telah menyatakan dan menunjukkan kerelaan mereka untuk membayar RM40,000;

(vi) responden pertama dan kedua juga menyatakan selama isu wasiat Kartar Kaur ini dibangkitkan, tiada mana-mana benefisiari lain yang membantah melainkan perayu seorang sahaja;

(vii) semasa saman pemula difailkan, responden kedua berumur 69 tahun manakala responden pertama berumur 68 tahun. Memandangkan faktor usia dan kesihatan tidak memuaskan, pindah milik hartanah tersebut jika tidak dilakukan secepat mungkin, akan menimbulkan masalah yang lebih rumit kelak; dan

(viii) perayu cuba melengah-lengahkan pindah milik harta tersebut kerana perayu sedang dan masih menikmati dan mengambil sewa hartanah tersebut dan ini merupakan satu keuntungan kepada perayu.

[15] Dalam proses perbicaraan di Mahkamah Tinggi, Yang Arif HMT telah mengarahkan pihak-pihak untuk mencari Kartar Singh dengan cara pengiklanan, namun tidak dapat dilaksanakan kerana responden pertama dan kedua tidak mempunyai butiran pengenalan diri Kartar Singh. Nombor kad pengenalan Kartar Singh juga tidak terdapat dalam wasiat Kartar Kaur. Pada akhirnya, apabila responden pertama dan kedua menyemak dokumen-dokumen peribadi mereka, telah menemui sijil kematian bapa responden pertama, yang di dalamnya terdapat nama Kartar Singh dan nombor kad pengenalannya. Dari situ, barulah responden pertama dan kedua dapat menjejaki Kartar Singh dengan menggunakan nombor kad pengenalan Kartar Singh untuk membuat carian di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan menyemak mengenai surat pentadbir pusaka beliau di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

[16] Berdasarkan carian di JPN didapati Kartar Singh telah meninggal dunia pada 15 September 2017. Manakala carian mengenai sama ada terdapat permohonan untuk surat pentadbir pusaka Kartar Singh, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang merupakan pendaftaran pusat surat pentadbir pesaka dan probet telah memaklumkan bahawa tiada apa-apa permohonan difailkan untuk harta pusaka Kartar Singh.

[17] Berdasarkan penemuan dalam carian-carian tersebut, responden pertama dan kedua telah memohon melantik responden ketiga iaitu ARB sebagai pemegang amanah untuk memegang pemberian mutlak RM40,000 sehingga pentadbiran dibuat ke atas harta pusaka Kartar Singh.

Keputusan Mahkamah Tinggi

[18] Yang Arif HMT mendapati bahawa tidak dinyatakan dalam wasiat bahawa pemberian mutlak untuk jumlah RM40,000 oleh responden pertama dan kedua dikehendaki dibuat semasa hayat Kartar Singh. Bukanlah kesalahan responden pertama dan kedua apabila tidak membayar pemberian mutlak RM40,000 tersebut kepada Kartar Singh semasa hayatnya, tetapi kerana mereka tidak dapat mengesan Kartar Singh. Bagi menyelesaikan kebuntuan untuk melaksanakan fasal 6 wasiat Kartar Kaur, Yang Arif HMT berpendapat ARB wajar dilantik sebagai nominal defendan untuk menerima RM40,000 sebagai pemegang amanah harta pusaka Kartar Singh.

Alasan Rayuan

[19] Dalam memorandum rayuan, perayu menyatakan Yang Arif HMT telah khilaf kerana membenarkan permohonan apabila:

(i) tidak terdapat apa-apa keterangan pada masa Kartar Singh mati, terdapat harta alih dan tak alih kepunyaan Kartar Singh untuk timbulnya suatu harta pusaka Kartar Singh. Wang RM40,000 sama sekali tidak menjadi sebahagian harta pusaka Kartar Singh pada masa Kartar Singh meninggal dunia. lni menjadikan situasi pemegang amanah tidak boleh berbangkit kerana tidak wujud apa-apa harta benda atau apa-apa situasi amanah pada masa Kartar Singh mati;

(ii) tidak terdapat keterangan dalam subjek tindakan di Mahkamah Tinggi yang mengenal pasti siapakah sebenarnya benefisiari bagi harta pusaka Kartar Singh. Oleh itu peruntukan undang-undang untuk pemberian notis kepada benefisiari tidak boleh dipatuhi;

(iii) tidak wujudnya sebarang harta alih atau tidak alih pada masa kematian Kartar Singh untuk situasi meletak hak wujud bagi penglibatan ARB dalam erti kata peruntukan undang-undang yang terpakai. Maka, pelantikan ARB seperti yang diperintahkan pada 17 Disember 2018 adalah salah atau tidak sah;

(iv) terdapatnya kesilapan di pihak Yang Arif HMT dalam memberikan perintah bertarikh 17 Disember 2018 dalam perenggan (ii) apabila tidak terdapat apa-apa peruntukan dalam wasiat Kartar Kaur, untuk ARB atau mana-mana pihak lain untuk menerima atau memegang wang sebanyak RM40,000 sebagai pemegang amanah wang tersebut dan perintah ini adalah salah dan tidak sah;

(v) terdapatnya kesilapan di pihak Yang Arif HMT dalam memberikan perintah bertarikh 17 Disember 2018 dalam perenggan (iii) apabila tidak terdapat apa-apa peruntukan dalam wasiat tersebut yang memberikan hak pindah milik subjek hartanah seperti yang diperintahkan berdasarkan ARB memberi pengesahan penerimaan jumlah amanah tersebut daripada responden pertama dan kedua;

(vi) responden-responden pertama dan kedua tidak ada menunjukkan bila-bila masa kesediaan memberikan hadiah wang kepada Kartar Singh. Walaupun Kartar Singh tidak dapat dikesan mereka boleh meletakkan wang RM40,000 secara asing dalam peruntukan yang khas bagi Kartar Singh dengan mengiklankan terdapat hadiah wang tersebut baginya. Ini menunjukkan tidak ada persetujuan atau niat di pihak responden pertama dan kedua tersebut untuk memberikan hadiah wang kepada Kartar Singh dalam erti kata syarat dalam wasiat tersebut, yang membawa kesan bahawa tiada persetujuan untuk mematuhi syarat tersebut di pihak responden pertama dan kedua tersebut dan/atau yang membawa kesan bahawa terdapat penolakan kepada syarat tersebut secara terbuka atau tersirat di pihak responden pertama dan kedua;

(vii) dalam hal keadaan tersebut pemberian bersyarat dalam wasiat tersebut terlepas atau telah ditolak atau terluput atau telah menjadi tidak berkesan bagi apa-apa maksud atau tidak lagi boleh dikuatkuasakan seperti yang dituntut dalam subjek tindakan oleh responden-responden pertama dan kedua atau sama sekali;

(viii) hadiah hartanah dalam wasiat tersebut adalah satu hadiah bersyarat yang merupakan syarat duluan (condition precedent), yang telah gagal dipatuhi atau dicapai atau disempurnakan oleh responden pertama dan kedua;

(ix) balasan bagi hadiah bersyarat di dalam wasiat tersebut telah gagal atau menjadi tidak berkesan untuk dikuatkuasakan oleh reponden pertama dan kedua; dan

(x) akhirnya, tidak terdapat apa-apa keterangan dalam erti kata wasiat tersebut atau mengambil kira keadaan latar belakang wasiat tersebut yang dapat menyokong bahawa pemberian bersyarat dalam wasiat tersebut seolah-olahnya berkekalan atas kematian Kartar Singh.

Hujahan Perayu

[20] Peguam perayu menghujahkan seperti berikut:

(i) Yang Arif HMT telah khilaf apabila membenarkan permohonan responden pertama dan kedua apabila syarat pemberian harta tersebut kepada kedua-dua responden telah tidak dipenuhi kerana pemberian mutlak wang RM40,000 telah tidak bayar kepada Kartar Singh semasa hayatnya. Apabila bayaran tidak dibuat semasa hayat Kartar Singh, ini bermakna kegagalan memenuhi syarat pemberian yang telah dinyatakan dalam wasiat dan hartanah tersebut menjadi harta sisa (residual estate) yang manfaatnya akan pergi kepada cucu Kartar Kaur seperti yang dirujukkan dalam fasal 7, 8 dan 9. Oleh itu responden pertama dan kedua tidak berhak terhadap hartanah tersebut.

(ii) Seterusnya, perayu berhujah bahawa yang paling penting ialah niat pembuat wasiat semasa wasiat dibuat iaitu pada 26 Ogos 2013. Pada tarikh ini, Kartar Kaur tahu bahawa Kartar Singh masih hidup apabila menghendaki RM40,000 dibayar kepada Kartar Singh sebagai syarat sebelum harta tersebut dipindah milik kepada responden pertama dan kedua.

(iii) Frasa "shall first give to kartar singh the sum of RM40,000 only by way of absolute gift to him" bermaksud pemberian RM40,000 oleh responden pertama dan kedua dikehendaki dibuat kepada Kartar Singh semasa dia masih hidup dan kepadanya sendiri walaupun tidak ditulis dengan nyata. Hujah perayu selanjutnya, sekiranya hendak diberi selepas kematian Kartar Singh sepatutnya dinyatakan "to him or to his estate in the event of his death".

(iv) Sekiranya mahkamah menerima cadangan responden pertama dan kedua, bermakna syarat yang ditetapkan oleh Kartar Kaur dalam wasiatnya telah diketepikan. Perayu tidak mempunyai apa-apa hak untuk mengetepikan syarat yang terkandung di dalam wasiat Kartar Kaur.

(v) Pendirian perayu adalah, atas kematian Kartar Singh, harta pusaka atau estetnya tidak mempunyai hak kepada bayaran RM40,000 kerana pemberian mutlak tersebut tidak diberi semasa hayat Kartar Singh untuk dinikmati oleh Kartar Singh semasa hayatnya. Oleh itu syarat pemberian mutlak telah tidak dipatuhi.

(vi) Yang Arif HMT telah salah mempertimbangkan atau mengambil kira keadaan di mana Kartar Singh tidak dapat dicari walaupun beliau adalah abang kepada responden pertama dan walaupun maklumat pekerjaan beliau sebagai pemandu teksi diketahui, yang mana menunjukkan langkah-langkah yang wajar tidak ada diambil oleh responden pertama dan kedua yang menunjukkan tidak ada niat di pihak responden pertama dan kedua untuk membuat pemberian mutlak wang RM40,000 tersebut kepada Kartar Singh semasa hayatnya.

(vii) Yang Arif HMT juga gagal mengambil kira bahawa pemberian mutlak itu dapat dilakukan pada setiap masa berkenaan dengan mengiklankannya atau membayarkannya dalam satu akaun bank yang khusus atas nama Kartar Singh untuk menunjukkan niat untuk pemberian mutlak kepada beliau (Kartar Singh) dan kegagalan ini menunjukkan tiada niat oleh responden pertama dan kedua untuk memberikan pemberian mutlak kepada Kartar Singh.

(viii) Yang Arif HMT juga terkhilaf dalam membuat rujukan kepada ARB yang bukanlah pihak yang dinamakan dalam wasiat untuk menyelesaikan masalah yang timbul dalam keadaan di mana sebenarnya tidak terdapat niat di pihak responden pertama dan kedua untuk memberikan pemberian mutlak kepada Kartar Singh dan dengan itu terkhilaf dalam membenarkan pelantikan ARB sebagai pemegang amanah bagi harta pusaka Kartar Singh bagi maksud yang tersebut yang bertentangan dengan erti kata syarat dalam fasal 6 wasiat. Oleh itu Yang Arif HMT dengan itu tersalah dalam membuat keputusan bahawa pemberian mutlak tersebut kepada ARB sebagai pemegang amanah harta pusaka Kartar Singh adalah seolah-olahnya dianggap mematuhi syarat dalam fasal 6 wasiat tersebut, yang adalah keputusan yang bertentangan dengan maksud dan niat fasal 6 tersebut yang dengan itu adalah satu keputusan yang salah di sisi undang dan/atau yang tidak dapat dipertahankan.

Hujahan Responden

[21] Peguam responden pertama dan kedua pula berhujah seperti berikut:

(i) Pada semua masa responden pertama dan kedua adalah mampu dan mahu membayar pemberian mutlak RM40,000 tersebut sebagaimana yang diwasiatkan dalam fasal 6 wasiat Kartar Kaur.

(ii) Perayu tidak bertindak dengan suci hati untuk menyelesaikan kebuntuan (impasse) apabila telah menolak tawaran pembayaran oleh responden pertama dan kedua sebagai pemegang amanah. Oleh itu, kegagalan untuk membayar pemberian mutlak kepada Kartar Singh bukanlah kesalahan responden pertama dan kedua tetapi mereka telah mengambil tindakan yang munasabah untuk mematuhi fasal 6 wasiat.

(iii) Kewajipan pemegang amanah adalah untuk menjaga kepentingan dan faedah waris-waris. Oleh itu adalah tanggungjawab perayu untuk memastikan hak dan faedah responden pertama dan kedua dalam wasiat dilaksanakan (lihat *Ong Thye Peng v. Loo Choo Teng & Ors* [2008] 1 CLJ 571).

(iv) Pembuat wasiat tidak meletakkan apa-apa tempoh untuk responden pertama dan kedua melaksanakan pemberian mutlak kepada Kartar Singh dan tiada syarat nyata yang menyatakan bahawa bayaran tersebut hendaklah dibuat semasa hayat Kartar Singh dan tidak dinyatakan hartanah yang diwasiatkan kepada responden pertama dan kedua akan berakhir dengan kematian Kartar Singh. Selanjutnya dihujahkan syarat yang ditetapkan boleh dilaksanakan pada bila-bila masa oleh responden pertama dan kedua.

(v) Syarat pembayaran RM40,000 bukan syarat duluan tetapi adalah untuk memberi manfaat kepada Kartar Singh. Oleh itu, keputusan Mahkamah Tinggi adalah betul apabila memutuskan bahawa kebuntuan hanya dapat diselesaikan dengan melantik ARB sebagai pemegang amanah harta pusaka Kartar Singh dan bayaran tersebut boleh dibayar kepada ARB sebagai pemegang amanah harta pusaka Kartar Singh dan hartanah tersebut boleh dipindah milik kepada responden pertama dan kedua seperti yang dinyatakan dalam wasiat. Pelantikan ARB adalah konsisten dengan s. 11 Akta Pemerbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532).

Keputusan Mahkamah

Kuasa Mahkamah

[22] Aturan 80 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 memperuntukkan tindakan pentadbiran untuk mendapatkan kuasa mentadbir di bawah arahan mahkamah harta pusaka seorang yang mati atau untuk mendapatkan pelaksanaan di bawah arahan mahkamah akan suatu amanah. Berdasarkan

A. 80, mahkamah mempunyai kuasa untuk menimbangkan dan membenarkan relif yang dipohon dalam saman pemula ini. Aturan 80 memperuntukkan seperti berikut:

80 **Tindakan pentadbiran dan yang seumpamanya**

1. Tafsiran (A. 80 k. 1)

Dalam Aturan ini, "tindakan pentadbiran" ertinya suatu tindakan untuk mendapatkan kuasa mentadbir di bawah arahan Mahkamah atau harta pusaka seorang yang mati atau untuk mendapatkan pelaksanaan di bawah arahan Mahkamah akan suatu amanah.

2. Menentukan persoalan tanpa kuasa mentadbir (A. 80 k. 2)

(1) Suatu tindakan boleh dibawa **untuk penentuan apa-apa persoalan** atau untuk mendapatkan apa-apa relief yang boleh ditentukan atau diberikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam suatu tindakan pentadbiran dan suatu tuntutan tidak perlu dibuat dalam tindakan untuk mendapatkan kuasa mentadbir atau pelaksanaan di bawah arahan Mahkamah akan harta pusaka atau amanah yang berkaitan dengannya persoalan itu berbangkit atau relief itu diminta.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1), **suatu tindakan boleh dibawa untuk penentuan** mana-mana persoalan yang berikut:

(a) **apa-apa persoalan yang berbangkit dalam kuasa mentadbir harta pusaka seorang yang mati** atau dalam pelaksanaan sesuatu amanah;

(b) **apa-apa persoalan tentang** komposisi mana-mana golongan orang yang mempunyai suatu tuntutan terhadap harta pusaka seorang yang mati atau **suatu kepentingan benefisial dalam harta pusaka seseorang yang sedemikian atau dalam apa-apa harta yang tertakluk kepada suatu amanah;** dan

(c) **apa-apa persoalan tentang hak atau kepentingan seseorang yang** menuntut sebagai pemiutang bagi harta pusaka seorang yang mati atau **menuntut sebagai berhak di bawah wasiat** atau atas kematian tak berwasiat seorang yang mati atau sebagai berhak secara benefisial di bawah suatu amanah.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1), suatu tindakan boleh dibawa untuk mendapatkan mana-mana relif yang berikut:

(a) suatu perintah yang menghendaki seorang pemegang amanah, pentadbir atau pemegang amanah mengemukakan dan, sekiranya perlu, menentusahkan akaun;

(b) suatu perintah menghendaki pembayaran ke dalam Mahkamah wang yang dipegang oleh seseorang atas sifatnya sebagai pemegang amanah, pentadbir atau pemegang amanah;

(c) **suatu perintah yang mengarahkan seseorang melakukan** atau menahan diri daripada melakukan **sesuatu tindakan tertentu atas sifatnya sebagai pemegang amanah, pentadbir atau pemegang amanah;**

(d) suatu perintah yang meluluskan apa-apa jualan, pembelian, kompromi atau transaksi lain oleh seseorang atas sifatnya sebagai pemegang amanah, pentadbir atau pemegang amanah; dan

(e) suatu perintah yang mengarahkan apa-apa tindakan dilakukan dalam pentadbiran harta pusaka seorang yang mati atau dalam pelaksanaan suatu amanah yang Mahkamah boleh memerintahkan supaya dilakukan sekiranya harta pusaka atau amanah itu ditadbirkan atau dilaksanakan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah arahan Mahkamah. (penekanan ditambah)

Pelantikan ARB

[23] Yang Arif HMT telah membenarkan permohonan responden pertama dan kedua melantik ARB sebagai pemegang amanah harta pusaka Kartar Singh sehingga pentadbir pusaka dilantik dan RM40,000 yang telah diwasiatkan kepada Kartar Singh dipegang oleh ARB sebagai pemegang amanah. Yang Arif HMT berpendapat keputusan tersebut adalah untuk melaksanakan hasrat pembuat wasiat.

[24] Kami berpendapat Yang Arif HMT tidak khilaf apabila membenarkan permohohan responden pertama dan kedua untuk melantik ARB sebagai pemegang amanah harta pusaka Kartar Singh dan ia tidak tergolong kepada perbuatan menulis semula terma-terma wasiat tetapi untuk memberi kesan dan melaksanakan wasiat.

[25] Pelantikan ARB sebagai pentadbir harta pusaka kepada Kartar Singh yang berhak kepada pemberian mutlak RM40,000 seperti dalam wasiat Kartar Kaur sebelum harta tersebut boleh dipindah milik kepada kedua-dua responden pertama dan kedua. Pelantikan ARB bukanlah sebagai pihak asing di luar wasiat Kartar Kaur tetapi hanyalah sebagai pemegang amanah harta pusaka kepada Kartar Singh sehingga waris-waris Kartar Singh melantik pentadbir mereka sendiri.

[26] Dari segi undang-undang, apabila Kartar Singh telah disahkan meninggal dunia (berdasarkan keterangan yang tidak disangkal daripada Jabatan Pendaftaran Negara), semua asetnya sama ada alih atau tak alih telah menjadi harta pusaka Kartar Singh. RM40,000 yang diwasiatkan oleh Kartar Kaur untuk dibayar oleh responden pertama dan kedua kepada Kartar Singh di dalam wasiat adalah menjadi harta yang Kartar Singh mempunyai kepentingan benefisial terhadapnya.

[27] Pelantikan ARB sebagai pentadbir harta pusaka adalah diperuntukan di bawah undang-undang iaitu di bawah s. 11 Akta 532. Seksyen 11 memperuntukkan bahawa mahkamah mempunyai kuasa untuk melantik perbadanan sebagai pemegang amanah dan perbadanan mempunyai kuasa (powers), tugas (duties) dan tanggungan (liabilities) yang sama dengan seorang individu yang dilantik di atas kapasiti yang sama. Dipetik s. 11 seperti berikut:

> **11 Pelantikan Perbadanan**
>
> (1) **Jika sesuatu Mahkamah,** Kerajaan Malaysia atau seseorang di dalam atau di luar Malaysia **mempunyai kuasa untuk melantik seorang pemegang amanah,** pemegang amanah, pentadbir, penjaga, sahabat wakil, ejen, wakil, penerima, penerima dan pengurus atau pelikuidasi atau untuk membuat apa-apa pelantikan lain yang bersifat fidusiari, **Perbadanan bolehlah dilantik sedemikian.**
>
> (2) **Perbadanan boleh bertindak** sama ada bersendirian atau bersesama mana-mana orang atau kumpulan orang atas apa-apa sifat yang ia dilantik dan hendaklah mempunyai kuasa, kewajipan dan liabiliti yang sama dan adalah berhak kepada hak dan kekebalan yang sama dan hendaklah **tertakluk kepada kawalan dan perintah Mahkamah** yang sama sebagaimana orang persendirian yang bertindak atas sifat itu.
>
> (3) xxx
>
> (4) xxx (penekanan ditambah)
>
> **12 Pelantikan Perbadanan sebagai pemegang amanah atau pemegang amanah**
>
> (1) **Perbadanan boleh dilantik menjadi pemegang amanah apa-apa wasiat** atau **berian** atau surat cara lain yang mewujudkan amanah **atau untuk melaksanakan apa-apa amanah** atau kewajipan yang tergolong dalam kelas yang ia dibenarkan untuk menerima, dan boleh dilantik sedemikian sama ada wasiat atau berian atau surat cara lain yang mewujudkan amanah atau kewajipan itu dibuat atau mula berkuat kuasa sebelum atau selepas tarikh yang ditetapkan, dan sama ada sebagai pemegang amanah asal atau baru, atau sebagai pemegang amanah tambahan, dalam hal yang sama dan dengan cara yang sama dan oleh orang atau Mahkamah yang sama seolah-olah ia adalah orang persendirian yang bertindak atas sifat itu.
>
> (2) xxx
>
> (3) xxx
>
> (4) **Perbadanan tidak boleh dilantik** sama ada sebagai pemegang amanah baru atau tambahan **jika wasiat,** berian atau surat cara lain yang wujudkan amanah atau kewajipan **itu mengandungi arahan yang bertentangan, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.**
>
> (5) xxx
>
> (6) xxx (Penekanan ditambah)

[28] Tajuk panjang kepada Akta 532 berkaitan tujuan penubuhan ARB menyatakan untuk membuat peruntukan bagi peletakhakkan harta, hak dan liabiliti Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka pada suatu syarikat, untuk mengawal selia penjalanan fungsi dan kuasa oleh syarikat dan untuk membuat peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya. Oleh itu, ARB sebagai public trust corporation adalah entiti yang berfungsi menguruskan harta amanah adalah yang paling sesuai untuk memegang amanah harta pusaka Kartar Singh.

[29] Perayu dalam hujahannya juga membangkitkan bahawa Kartar Singh tidak mempunyai waris yang boleh dikenal pasti, oleh itu ARB berkemungkinan tidak dapat menghantar notis kepada waris-waris Kartar Singh. Namun, berdasarkan keterangan afidavit, responden pertama dan Kartar Singh adalah adik beradik. Oleh itu, isu untuk menghantar notis kepada waris Kartar Singh tidak timbul.

Tafsiran Wasiat

[30] Berkenaan pentafsiran wasiat, s. 30 Akta Wasiat 1959 memperuntukkan seperti berikut:

> 30. Construction of wills
>
> (1) A will made in any of the States of Selangor, Perak, Negeri Sembilan or Pahang before the coming into force of this Act and a will made in either of the States of Penang and Malacca shall, if such will would immediately before the commencement of this Act have been construed in accordance with the Wills Enactment 1938 [F.M.S. 5 of 1938], of the Federated Malay States or the Wills Ordinance of the Straits Settlements [S.S. Cap. 53] respectively, continue to be construed in accordance with such provisions, notwithstanding any repeal of that Enactment or Ordinance.
>
> (2) For the purposes of subsection (1) a will re-executed, re-published or revived by a codicil shall be deemed to have been made at the time when it was so re-executed, re-published or revived.
>
> (3) Save as provided by subsection (1) and subject to this Act, section 100 of the Evidence Act 1950 [Act 56] shall apply to the construction of all wills required to be construed in accordance with the law of Malaysia as if the words "in the Settlements or either of them" appearing in such section had been omitted."

[31] Seksyen 100 Akta Keterangan 1950 pula memperuntukkan seperti berikut:

> 100. Construction of wills
>
> Nothing in sections 91 to 99 shall affect the construction of wills, but in the States of Malacca, Penang, Sabah and Sarawak or any of them they shall, subject to any written law, be construed according to the rules of construction which would be applicable thereto if they were being construed in a Court of Justice in England.

[32] Seksyen 91 hingga 99 Akta Keterangan 1950 adalah berkaitan penyisihan (exclusion) keterangan lisan oleh keterangan dokumentar di mana keterangan lisan tidak boleh mengatasi keterangan dokumentar. Prinsip ini adalah dikecualikan terhadap pentafsiran wasiat kerana peruntukan dalam seksyen-seksyen tersebut tidak terpakai.

[33] Di United Kingdom dalam kes *Marley v. Rawlings and Anor* [2014] 2 WLR 213 mahkamah menyatakan cara mentafsir untuk mengetahui maksud wasiat adalah sama seperti cara tafsiran kontrak. Ini dinyatakan oleh Lord Neuberger of Abbotsbury PSC di ms. 220 laporan di perenggan 19 dan 20 yang dipetik dalam bahasa asalnya seperti berikut:

> 19 When interpreting a contract, the court is concerned to find the intention of the party or parties, and it does this by identifying the meaning of the relevant words, (a) in the light of (i) the natural and ordinary meaning of those words, (ii) the overall purpose of the document, (iii) any other provisions of the document, (iv) the facts known or assumed by the parties at the time that the document was executed, and (v) common sense, but (b) ignoring subjective evidence of any party's intentions. In this connection, see *Prenn*, at pp. 1384 to 1386 and *Reardon Smith Line Ltd v. Yngvar Hansen-Tangen (trading as H E Hansen-Tangen)* [1976] 1 WLR 989, per Lord Wilberforce, *Bank of Credit and Commerce International SA v. Ali* [2022] 1 AC 251, para 8, per Lord Bingham of Cornhill, and the survey of more recent authorities in Rainy Sky, per Lord Clarke of Stone-cum-Ebony JSC, at paras 21 to 31.
>
> 20 **When it comes to interpreting wills, it seems to me that the approach should be the same.** Whether the document in question is a commercial contract or a will, **the aim is to identify the intention of the party or parties to the document by interpreting the words used in their documentary, factual and commercial context.** As Lord Hoffmann said in *Kirin-Amgen Inc v. Hoechst Marion Roussel Ltd* [2005] 1 ALL ER 667, para 64: "No one has ever made an acontextual statement. There is always some context to any utterance, however meagre." To the same effect, Sir Thomas Bingham MR said in *Arbuthnott v. Fagan* [1995] CLC 1396, 1400 that "courts will never construe words in a vacuum".
>
> (emphasis added)

[34] Berdasarkan peruntukan s. 100 Akta Keterangan 1950, kes ini adalah tidak mengikat untuk mentafsir wasiat kerana wasiat ini dibuat di Kuala Lumpur pada 26 Ogos 2013. Kes *Marley v. Rawlings* (*supra*) akan hanya mengikat untuk mentafsir wasiat sekiranya dibuat di Melaka, Pulau Pinang, Sabah and Sarawak. Namun begitu, walaupun kes-kes di bidang kuasa yang lain terutamanya di United Kingdom tidak mengikat tetapi telah menjadi amalan Mahkamah di Malaysia menerima pakai kes-kes daripada bidang kuasa lain bagi membantu membuat tafsiran wasiat di samping peruntukan Akta Wasiat 1959. Kes *Marley v. Rawlings* (*supra*) ini juga telah dirujuk dalam kes-kes terdahulu oleh mahkamah Malaysia.

[35] Apapun, prinsip umum pentafsiran wasiat adalah bertujuan untuk mengenal pasti niat pembuat wasiat dengan mentafsir perkataan-perkataan yang digunakan dalam wasiat tersebut dengan makna biasa. A

[36] Undang-undang adalah jelas dan mantap bahawa mahkamah tidak akan mengubah atau menambah kata-kata wasiat kecuali jika jelas bahawa wasiat itu tidak menyatakan niat pewasiat. Tugas mahkamah apabila mentafsir wasiat adalah untuk memastikan, jika boleh, apa yang dimaksudkan oleh pewasiat, tanpa idea-idea yang diandaikan mengenai maknanya dan memberi kesan sejauh mungkin terhadap niatnya seperti yang dinyatakan dalam wasiat. Adalah satu kaedah penting bahawa jika wasiat tersebut boleh diberi dua tafsiran, mahkamah lebih suka tafsiran yang melupuskan keseluruhan aset daripada yang mengakibatkannya tidak berwasiat atau menjadi harta sisa (residuary estate). B C

[37] Ini dinyatakan oleh Hakim Chang Min Tat dalam *Re Chin Sem Lin's Settlement; Yong Tet Fong & Anor v. Chin Thin Lee & Ors* [1971] 1 LNS 120; [1971] 2 MLJ 152, dims. 154 yang memetik kes *Smidmore v. Smidmore* [1905] 3 CLR 344 yang merujuk perenggan di ms. 354 laporan: D

> The duty of the court in construing a will is to ascertain if possible, what the testator meant, without any preconceived ideas as to his meaning and to give effect as far as possible to his intention as declared in the will.

[38] Mahkamah Persekutuan melalui Lee Hun Hoe CJ (Borneo) dalam *Hsu Yik Chai v. Hsu Yaw Tang & Anor* [1983] 1 CLJ 19; [1983] CLJ (Rep) 170; [1982] 2 MLJ 227, dalam menjelaskan peranan mahkamah dalam mentafsir wasiat, iaitu, untuk merealisasikan niat pembuat wasiat. Keadaan di mana wasiat ditulis boleh diambil kira, namun, sebanyak manapun mahkamah boleh melakukannya, mahkamah masih terhad kepada memberi kesan kepada niat pembuat wasiat setakat yang tertulis di dalam wasiat. Dipetik laporan dalam bahasa asalnya seperti berikut: E F

> The purpose of construction is to give effect to the intention of the testator expressed in the words of the will. On that point we would only refer to what Lord Romer said in *Perrin v. Morgan* [1943] AC 399 at p. 420 and also quoted by the learned Judge as follows: G
>
> > My Lords, I take it to be a cardinal rule of construction that a will should *be so construed as to give effect to the intention of the testator, such intention being gathered from the language of the will read in the light of the circumstances in which the will was made.* To understand the language employed the Court is entitled, to use a familiar expression, to sit in the testator's armchair. When seated there, however, the Court is not entitled to make a fresh will for the testator merely because it strongly suspects that the testator did not mean what he has plainly said ... (penekanan ditambah) H I

[39] Perlu juga diingat dalam membaca wasiat seseorang, mahkamah akan menerima makna yang terang dan jelas bagi perkataan yang digunakan oleh pembuat wasiat (lihat *Tan Sri Dr M Mahadevan v. Dr Jeyalakshmi Ratnavale & Ors* [2017] 6 CLJ 49).

[40] Dalam mempertimbangkan rayuan ini kami juga mengambil kira peruntukan s. 18 Akta Wasiat 1959 yang memperuntukkan seperti berikut:

> 18. Every will **shall be construed,** with reference to the property comprised in it, to speak and **take effect as if it had been executed immediately before the death of the testator, unless a contrary intention shall appear by the will.** (penekanan ditambah)

[41] Di bawah diperturunkan keseluruhan kandungan wasiat tersebut.

LAST WILL AND TESTAMENT

I, KARTAR KAUR A/P MAGAR SINGH (NRIC No: 300224-05-5102/2074894) residing at No. 54, Jalan Taman Bukit Desa, 3rd mile, Off Jalan Klang Lama, 58100 Kuala Lumpur being of sound mind, and under no constraint or undue influence, do hereby make, publish and declare this to be my Last Will and Testament and do revoke any and all other Wills and Codicils heretofore made by me.

WHEREAS I am a Sikh lady aged 93 years and a widow as of the date of this Will.

AND WHEREAS I am possessed of movable and immovable properties and I have absolute powers of disposal over the same.

AND WHEREAS I have one (1) son, BHALJIT SINGH A/L ARJAN SINGH (NRIC No. 670614-10-5927) who has been given the gift of a property during the lifetime of my late husband (Arjan Singh) and myself, namely, No. 54, Jalan Taman Bukit Desa, 3rd mile, Off Jalan Klang Lama, 58100 Kuala Lumpur and which property is absolutely owned by my said son and it does not form part of my estate.

I APPOINT my daughter-in-law, TULASI BHALJIT SINGH (Indian Passport No. K0860399) residing at No. 54, Jalan Taman Bukit Desa, 3rd mile, Off Jalan Klang Lama, 58100 Kuala Lumpur to be my sole Executrix and Trustee of this my Will (hereinafter referred to as "my Trustee").

I GIVE, DEVISE AND BEQUEATH as follows:-

1. To my daughter-in-law, TULASI BHALJIT SINGH (Indian Passport No. K0860399) such of my chattels and effects of personal domestic or household use or ornament that I may own at the time of my death.

2. To my daughter-in-law, TULASI BHALJIT SINGH (Indian Passport No. K0860399) all that land and building thereon held under title no. HS(D) 39706 PT 7210 Mukim and Daerah Klang and known as 59, Jalan Watan 25/6, Sek 25, Taman Sri Muda, Shah Alam 40400 Selangor.

3 To my two (2) grandchildren, namely, KANASHA KAUR AULLEKH born on 5-4-2006 and JAGDEEP SINGH AULLEKH born on 31-3-2008 in equal shares all that shoplot property known as Sublot No. 4, Ground and Mezzanine Floors, Jalan Thamby Abdullah, Brickfields, Kuala Lumpur and held under Geran No. 87, Lot 179, Sek 95, District of Kuala Lumpur

4 If either of my said grandchildren should become entitled to any share in this my estate before attaining the age of 18 years, the share of such person shall be held and kept invested by my Trustee and the income and capital or so much thereof as my Trustee in her absolute (but reasonable) discretion shall deem advisable, shall be used for the benefit and education of such child until he or she reaches the age of majority, when the remaining balance of his or her portion remaining shall be paid to that person for his or her own use absolutely.

5 To SARJIT SINGH A/L HARJAN SINGH (NRIC No. 491204-05-5003) and JASMARE KAUR A/P DIAL SINGH (NRIC No. 480904-08-5330) in equal shares all that residential property situated at No. 10, Jalan 21/4, Section 21, 46300 Petaling Jaya, Selangor subject to the satisfaction by them of the condition set out in Clause 6 herein.

6. In consideration for receiving my said gift as made in Clause 5 above, SARJIT SINGH A/L HARJAN SINGH (NRIC No. 491204-05-5003) and JASMARE KAUR A/P DIAL SINGH (NRIC No. 480904-08-5330) shall first give to KARTAR SINGH A/L ARJAN SINGH the sum of Ringgit Malaysia Forty Thousand (RM40,000.00) only by way of an absolute gift to him.

7 I DEVISE AND BEQUEATH all the rest, residue and remainder of the property that I may own at the time of my death, whether real, personal or mixed, of whatever kind and nature and wherever situated, including all property that I may acquire or become entitled to after the execution of this Will, or other gifts made by this Will that fail for any reason, but excluding any property over or concerning which I may have any power of appointment (hereinafter referred to as my "residuary estate") unto my Trustee UPON TRUST to sell call in and convert the same into money with power to postpone the sale calling in and conversion thereof so long as she shall in her absolute discretion think fit without being liable for loss.

A

B

C

D

E

F

G

H

I

8. I hereby direct that out of the moneys so realised from the sale calling in and conversion of my said real and personal estate and out of my ready money as possessed at the time of my death ("the Trust Fund"), my Trustees shall pay or provide the following sums for the purposes mentioned against each:

(i) To pay all my lawful debts, medical, funeral and testamentary expenses; and

(ii) My Trustee shall hold the Trust Fund in trust for the benefit of my grandchildren, KANASHA KAUR AULLEKH born on 5-4-2006 and JAGDEEP SINGH AULLEKH born on 31-3-2008 in equal shares until the youngest of them attains the age of 18 years.

9 If any of the said grandchildren dies before the Trust Fund becomes distributable among my said grandchildren under the above clause leaving any child or children then living, then his or her share will belong to the child or to the children of such deceased grandchild, by substitution and if more than one in equal shares the share in the Trust Fund which such deceased grandchild of mine would have taken had he or she survived me and attained a vested interest, provided that if any child is a minor, then his or her share will be held on trust until such child attains majority

10. My Will shall be governed by and interpreted in all respects in accordance with the Wills Act 1959.

(The rest of this page has been intentionally left blank)

A

IN WITNESS WHEREOF I have hereunto set my hand this 28th day of August in the year Two Thousand and Thirteen (2013).

B

This Will having been first read over explained and translated to the said KARTAR KAUR A/P MAGAR SINGH who understands the Punjabi language but has an imperfect knowledge of and cannot read the English language by Amarjeet Singh a/l Mehar Singh who understands both the English language and the Punjabi language which reading and interpretation were both done in our presence when the said KARTAR KAUR A/P MAGAR SINGH appeared thoroughly to understand this Will and to approve the contents thereof and the thumb-mark of the said KARTAR KAUR A/P MAGAR SINGH was affixed by her as her last Will in the presence of us both present at the same time who at her request in her presence and in the presence of each other have hereunto subscribed our names as witnesses:

C

D

Witness:
Amarjeet Singh a/l Mehar Singh
Advocate & Solicitor
Petaling Jaya, Selangor

E

Witness:
Zulkefle bin Ali Hassan
Advocate & Solicitor
Petaling Jaya, Selangor

F

[42] Diteliti secara keseluruhan wasiat Kartar Kaur, pembuat wasiat telah menyenaraikan pemberian dalam 9 fasal kepada penerima-penerima yang dinyatakan secara terperinci termasuklah kepada responden pertama dan kedua tetapi dengan bersyarat iaitu sebelum hartanah tersebut dipindah milik kepada responden pertama dan kedua oleh perayu sebagai pemegang amanah, responden pertama dan kedua hendaklah membuat pemberian mutlak kepada Kartar Singh. Berdasarkan kenyataan (averment) dalam afidavit responden (yang tidak dinafikan oleh perayu), fasal-fasal wasiat telah dilaksanakan kecuali yang berkaitan dengan responden pertama dan kedua serta Kartar Singh iaitu fasal 5 dan 6.

G

H

[43] Pendirian perayu ialah sebagai wasi dan pemegang amanah, dia tidak boleh memindah milik hartanah tersebut kepada responden pertama dan kedua kerana mereka telah gagal melaksanakan wasiat di fasal 6.

[44] Bagi menunjukkan keikhlasan dan kesungguhan responden pertama dan kedua untuk mematuhi wasiat Kartar Kaur, wang pemberian mutlak sebanyak RM40,000 tersebut telah didepositkan ke dalam akaun pelanggan

I

peguam cara plaintif pada 19 Februari 2018 dan 20 Februari 2018 sementara menunggu permohonan didengar dan diputuskan oleh mahkamah. Selepas perintah untuk melantik ARB sebagai pemegang amanah harta pusaka Kartar Singh diperolehi, jumlah tersebut telahpun didepositkan kepada ARB. Perayu sendiri dalam afidavitnya menyatakan bahawa responden pertama dan kedua sepatutnya membuka akaun khusus atas nama Kartar Singh untuk memasukkan pemberian mutlak ke dalam akaun tersebut semasa Kartar Singh tidak dapat dikesan untuk menunjukkan keikhlasan mereka untuk mematuhi wasiat. Saranan perayu adalah konsisten dengan permohonan responden pertama dan kedua walaupun bukan kedalam akaun khas, tetapi entiti yang diperuntukan oleh undang-undang iaitu ARB.

[45] Dalam kes ini, keupayaan (capacity) untuk membuat wasiat tidak dipertikaikan. Semua harta-harta yang telah diwasiatkan telah dilaksanakan oleh perayu sebagai pemegang amanah. Dalam wasiat ini juga terdapat fasal mengenai harta sisa (residuary estate) di fasal 7. Di antara harta yang menjadi harta sisa ialah sekiranya pemberian (gifts) yang diwasiatkan tidak berjaya dilaksanakan (or other gifts made by this will that fall for any reason) akan terletak kepada pemegang amanah untuk menjualnya.

[46] Sekiranya mahkamah bersetuju dengan perayu bahawa responden pertama dan kedua telah gagal melaksanakan syarat pemberian mutlak kepada Kartar Singh, berdasarkan fasal 7, maka hartanah yang diwasiatkan di perenggan 5 akan menjadi harta sisa si mati dan akan kembali kepada pemegang amanah (perayu) untuk menjualnya bagi manfaat dua cucu Kartar Kaur (anak-anak perayu) seperti yang dinyatakan dalam fasal 8 wasiat.

[47] Kami dapati berdasarkan penelitian wasiat tersebut, tidak dinyatakan cara atau bagaimana dan bila pemberian mutlak wang RM40,000 tersebut patut diberikan kepada Kartar Singh. Begitu juga wasiat tidak menyatakan pemberian mutlak wang RM40,000 tersebut perlu diterima sendiri oleh Kartar Singh. Berdasarkan penelitian tersebut, kami bersetuju dengan pendapat Yang Arif HMT bahawa pemberian mutlak wang RM40,000 itu kepada Kartar Singh yang telah meninggal dunia (sebelum responden pertama dan kedua dapat membayar RM40,000 pemberian mutlak tersebut), boleh dipegang oleh pentadbir atau pemegang amanah harta pusakanya.

[48] Berdasarkan di atas, kami tidak fikir bahawa pembuat wasiat berniat untuk menjadikan hartanah tersebut sebagai harta sisa (residuary estate) dan kembali kepada pemegang amanah (perayu) untuk menjualnya. Syarat pemberian mutlak sebelum hartanah dipindah milik kepada responden pertama dan kedua adalah bagi memastikan Kartar Singh juga mendapat manfaat dari wasiat Kartar Kaur. Kini, pemberian mutlak telah pun dilaksanakan dengan pembayaran kepada pemegang amanah kepada harta pusaka Kartar Singh iaitu ARB, maka hasrat pembuat wasiat telah pun ditunaikan. Oleh itu, perayu sebagai wasi dan pemegang amanah hendaklah melaksanakan fasal 5 wasiat tersebut.

Kesimpulan

[49] Berdasarkan di atas, kami mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi dan rayuan perayu ditolak dengan kos kepada responden pertama dan kedua sebanyak RM10,000 dan tertakluk kepada alokatur. Kos hendaklah dibayar sendiri (personally) oleh perayu.